



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR  
DAN PERUBAHAN IKLIM

# KENYATAAN MEDIA

## NRECC KOMITED SELESAIKAN MASALAH AIR DI KELANTAN

Semalam saya telah mengadakan pertemuan dengan Exco Kerajaan Negeri Kelantan yang bertanggungjawab bagi urusan air iaitu Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur, Pengangkutan dan Utiliti Negeri Kelantan, YB Dato' Azami Mohd Nor serta pengurusan tertinggi Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) untuk berbincang berkenaan masalah air di Kelantan.

Antara isu yang dibincangkan termasuk berkaitan pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Machang yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah *Rolling Plan* Ketiga Rancangan Malaysia Keduabelas (RP3, RMKe-12) dan cadangan pembangunan infrastruktur bekalan air bagi TAPS yang akan dibina.

Selain itu, perkara berkaitan pelaksanaan program pengurangan *Non-Revenue Water* (NRW) melalui penggantian paip-paip usang dan hapus kira pinjaman projek bekalan air luar bandar selari dengan Perjanjian Penstrukturan Industri Perkhidmatan Air Negeri Kelantan juga turut dibincangkan. Turut disentuh adalah berhubung perizaban tanah loji pemetungan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dan hapus kira baki pinjaman projek pemetungan kepada geran.

Saya juga telah mengingatkan dalam pertemuan semalam, sebagaimana jawapan mantan Menteri Alam Sekitar dan Air YB Dato' Seri Tuan Ibrahim Tuan Man, tanpa usaha membaiki tatakelola AKSB, permasalahan ini tidak akan selesai. AKSB seharusnya memperbetulkan tadbir urus mereka untuk menyelesaikan masalah bekalan air di Kelantan, sekaligus memberi manfaat kepada rakyat di negeri Kelantan.

YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim sebelum ini telah secara terbuka menyatakan komitmen Kerajaan Pusat untuk menyelesaikan isu air di Kelantan. Kami bersedia melihat soal kewangan termasuk pembinaan loji rawatan air dan penggantian paip. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) juga akan mengadakan perbincangan susulan dengan Kementerian Kewangan dan Kementerian Ekonomi untuk mencari penyelesaian terbaik bersama.

Turut hadir bersama pertemuan semalam ialah Dr. Ching Thoo a/l Kim, Timbalan Ketua Setiausaha (Air dan Pemetungan) NRECC dan Dato' Ahmad Faizal Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) serta pegawai-pegawai Kementerian.

**NIK NAZMI NIK AHMAD**

**MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

**24 MEI 2023**